

NO. SOALAN: 90

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL TEO YU KENG [MIRI]

RUJUKAN : 10093

SOALAN :

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) berapakah bilangan individu tanpa kerakyatan di seluruh Malaysia yang telah membuat permohonan di Jabatan Pendaftaran Negeri Miri, untuk mendapatkan kewarganegaraan Malaysia dari tahun 2013 ke 2016 ; dan

(b) berapakah bilangan permohonan yang belum diluluskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, seseorang individu di Malaysia hanya akan dikategorikan sebagai warganegara atau bukan warganegara. Sehubungan dengan itu, berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), terdapat 91 permohonan kewarganegaraan yang telah diterima daripada individu bukan warganegara melalui JPN Miri dari tahun 2013 hingga 2016. Daripada jumlah ini, sebanyak 44 permohonan yang sedang diproses.